

Lawatan Najib ke China Lakar Sejarah Selaras 40 Tahun Jalinan Hubungan Bernama Mei 26, 2014

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Pelbagai acara penting, bersesuaian dengan ulang tahun ke-40 hubungan Malaysia-China, menanti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak apabila beliau melakukan lawatan rasmi enam hari ke China mulai Selasa.

Daripada satu segi, kerajaan China bersedia memenuhi permintaan Malaysia bahawa sambutan bagi meraikan acara penting itu diadakan pada 31 Mei, cuti umum di China, yang kebetulan adalah tarikh terjalannya hubungan Kuala Lumpur-Beijing secara rasmi pada 1974.

Hubungan akrab antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi apabila Presiden China Xi Jinping mengetepikan protokol dengan menganjurkan majlis jamuan malam khusus untuk Najib.

"Biasanya presiden China tidak mengadakan majlis jamuan malam. Pada kebiasaan, presiden hanya menghadiri mesyuarat dua hala (bersama-sama kenamaan yang melakukan lawatan) dan jamuan malam dihoskan oleh perdana menteri.

"Tetapi kali ini, beliau bukan sahaja menyambut saya tetapi juga mengadakan jamuan malam. Ini amat, amat signifikan," kata Najib kepada para editor kanan di sini Isnin menjelang lawatan itu.

Najib dijadual mengadakan pertemuan dengan Jinping pada Jumaat di Beijing disusuli dengan majlis jamuan malam peribadi.

Keputusan ayahanda Najib, perdana menteri kedua Malaysia Tun Abdul Razak Hussein untuk menjalin hubungan dengan Komunia China pada 1974 dianggap sebagai langkah berani ketika itu kerana Malaysia ialah negara pertama di Asia Tenggara yang berbuat demikian.

Detik itu tidak berlalu tanpa mendapat perhatian di Beijing apabila Najib menegaskan bahawa hubungan Beijing-Kuala Lumpur adalah lebih daripada hubungan kerajaan dengan kerajaan tetapi sebagai "satu bentuk hubungan kekeluargaan" dengan keluarga Tun Razak memainkan peranan.

Berkongsi pengalamannya, Najib berkata bekas perdana menteri China Wen Jiabao, semasa lawatannya ke Malaysia, akan mendesak supaya bondanya Tun Rahah Mohammad Noah menyertai beberapa acara yang diatur untuk beliau.

"Ia amat luar biasa kerana pemimpin (kerajaan lain) menganggap hubungan hanya di peringkat kerajaan dengan kerajaan tetapi China menganggapnya sebagai hubungan

kekeluargaan," kata beliau tentang hubungan Malaysia-China.

Najib menyifatkan lawatan ke gergasi ekonomi itu sebagai "penting dan bersejarah dalam konteks masa kini".

Beliau telah melawat China beberapa kali atas kapasitinya sebagai menteri pertahanan, menteri pendidikan, timbalan perdana menteri dan juga sebagai perdana menteri Malaysia.

Para pemerhati berkata Najib telah berjaya mengukuhkan lagi hubungan yang telah dijalin oleh almarhum ayahanda beliau dengan China yang mencakupi pelbagai bidang, daripada perdagangan dan pelaburan hinggalah kepada pendidikan, pertanian, pertahanan dan hubungan rakyat dengan rakyat.

Kerjasama strategik itu ditingkatkan kepada perkongsian strategik komprehensif apabila Jinping melawat Putrajaya tahun lepas.

Seorang pegawai kerajaan Malaysia berkata Najib kemungkinan akan memberi tumpuan kepada agenda perdagangan Kuala Lumpur-Beijing, menyasarkan jumlahnya melebihi AS\$100 bilion daripada yang dicatatkan tahun lepas.

Seorang pegawai kerajaan membayangkan bahawa jumlah perdagangan dengan China boleh mencecah AS\$160 bilion setahun seperti digariskan dalam program kerjasama ekonomi dan perdagangan selama lima tahun antara kedua-dua negara.

China ialah rakan perdagangan terbesar Malaysia sejak 2009 sementara Malaysia pula ialah rakan perdagangan China yang kelapan terbesar di dunia.

Pegawai itu berkata lawatan Najib dijangka mengubah aliran pelaburan yang menyaksikan pelaburan langsung asing (FDI) terkumpul Malaysia ke China adalah AS\$6.3 bilion pada 2012 sementara aliran pelaburan dari China ke Malaysia cuma sebahagian daripadanya jumlah itu.

"Pada pertengahan pertama 2013, data FDI menunjukkan bahawa Malaysia menerima AS\$72 juta sementara pelaburan Malaysia di China mencatatkan AS\$318 juta," kata pegawai itu.

Beliau berkata Malaysia mahu menarik sebahagian daripada pelaburan China yang diunjurkan AS\$500 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

Kemungkinan menubuhkan bank penjelasan juga mungkin termasuk dalam agenda Najib, kerana sebahagian daripada perdagangan antara kedua-dua negara dilaksanakan menggunakan mata wang masing-masing, kata pegawai itu.

Pegawai itu berkata lawatan ke China juga memberi kesempatan bagi Najib untuk menarik kembali pelancong ekoran kemerosotan jumlah pelancong China ke Malaysia susulan insiden kehilangan pesawat Malaysia Airline MH370 pada 8 Mac yang sejumlah besar

penumpangannya ialah warga China.

Pembangunan Taman Perindustrian Qinzhou Malaysia-China dan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China juga mungkin dibincangkan pada lawatan itu.

Satu lagi agenda signifikan yang mungkin disentuh adalah berhubung kemungkinan membuka pejabat konsulat jeneral Malaysia di Nanning dan pejabat konsulat jeneral China di Kota Kinabalu dan Pulau Pinang, kata pegawai itu.

Antara isu yang dijangka dibangkitkan di Beijing adalah keselamatan maritim di Laut China Selatan, Perjanjian Perdagangan Bebas Asean-China dan pembinaan sebuah masjid bercirikan seni bina China di Kuala Lumpur, kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041544>